

TEKS PERBAHASAN
PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2024
N08 BAGAN JERMAL

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera.

Terima kasih diucapkan buat Yang di-Pertua Dewan atas ruang yang diberikan. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua serta warga persidangan dewan sekalian, tumpuan saya lebih terarah untuk membincangkan soal pendidikan khususnya di Pulau Pinang.

Pendidikan adalah teras kepada pengetahuan dan kematangan berfikir yang akan mempengaruhi pembangunan dan kesejahteraan sesebuah negara. Mekanisme pendidikan adalah melalui sekolah-sekolah dan universiti.

Keciciran Pelajar Sekolah

Laporan Bank Dunia bertajuk “Bending Bamboo Shoots: Strengthening Foundation Skills” telah memberikan kebimbangan tentang sistem pendidikan kita. Walaupun perbelanjaan yang besar diperuntukkan dalam pendidikan iaitu 3.2 peratus daripada Keluaran Dalam Negar Kasar (KDNK), pembelajaran pelajar masih ketinggalan berbanding jangkaan.

Hanya 58 peratus pelajar di Malaysia didapati mahir membaca menjelang akhir Darjah 5, jauh lebih teruk daripada rakan serantau seperti Vietnam. Vietnam, sumber negaranya lebih rendah, namun hasilnya lebih kukuh. Laporan itu menyerlahkan ketidakcekapan yang membimbangkan dengan pelajar Malaysia menghabiskan purata 12.5 tahun di sekolah tetapi pembelajaran bersamaan dengan hanya 8.9 tahun. Sebaliknya, pelajar Vietnam mencapai 10.7 tahun pembelajaran dalam jangka masa yang sama.

Juga kenyataan akhbar The Star bertarikh 13 Mar 2024 yang dikeluarkan Menteri Pendidikan Malaysia, YB Fadhlina Sidek menyatakan bahawa lebih 400,000 pelajar di peringkat sekolah rendah dan menengah mengalami permasalahan pembelajaran di mana bagi peringkat menengah, 154,853 daripadanya tidak menguasai kemahiran

3M (membaca, mengira, menulis). Hal ini belum termasuk soal STEM dan TVET.

Sekiranya tiada tindakan, maka ia akan merebak dan menyebabkan permasalahan lain seperti masalah pelajar tidak berminat untuk melanjutkan pelajaran di peringkat tinggi, gagal dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), berhenti dan cenderung untuk tidak hadir ke sekolah.

Maka dengan itu, saya menyambut baik tindakan daripada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia melalui tindakan pelaksanaan inisiatif reformasi pendidikan termasuk 4 intervensi kokurikulum. Selain itu, kita juga mengambil maklum inisiatif jerayawara yang digerakkan Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) bagi menimbulkan kesedaran yang tinggi kepada ibu bapa untuk terus bersemangat memberi komitmen memastikan kehadiran anak-anak ke sekolah.

Jadi, persoalan saya di sini adalah, apakah inisiatif di peringkat EXCO untuk mengurangkan 'trend' permasalahan pembelajaran ini dalam kalangan pelajar-pelajar sekolah di sekitar Pulau Pinang, terutamanya sekolah harian biasa sebagai usaha di peringkat negeri kita.

Sekian, terima kasih.

Wan Hafiz Zariqfitri Bin Wan Ismail

N08 Bagan Jermal

Sidang Muda 2024

SIDANG MUDA
PULAU PINANG